

# KENYATAAN TENDER

## TENDER PRA KELAYAKAN:- UTeM/TD/001/2021

TENDER BAGI CADANGAN MEREKABENTUK MEMBINA DAN MENYIAPKAN KEMUDAHAN LIF PENUMPANG TAMBAHAN SECARA REKA DAN BINA DI FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

Tarikh Tender Dipamer	28 OKTOBER HINGGA 29 DISEMBER 2021	Harga Naskah	RM50.00
Tarikh Taklimat Tender	3 NOVEMBER 2021, JAM 10:00 PAGI, LINK TAKLIMAT: <a href="https://bit.ly/3aUggFd">https://bit.ly/3aUggFd</a>		
Tarikh Tender Dijual	28 OKTOBER HINGGA 29 DISEMBER 2021		
Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran	27 HINGGA 30 DISEMBER 2021 (Sebelum Jam 12:00 Tengah hari)		
Tarikh & Masa Tender Ditutup	30 DISEMBER 2021 JAM 12:00 TENGAHARI		

WAKTU OPERASI KAUNTER UNIT PEROLEHAN PEJABAT BENDAHARI UTeM:

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

### MAKLUMAT TENDER PRA KELAYAKAN

- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Merekabentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan

**UTeM/TD/001/2021 - TENDER BAGI CADANGAN MEREKABENTUK MEMBINA DAN MENYIAPKAN KEMUDAHAN LIF PENUMPANG TAMBAHAN SECARA REKA DAN BINA DI FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di **Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka**

- SKOP KERJA**

- 3.1. Preliminaries & Turnkey Elements
- 3.2. Kerja-kerja Utama merangkumi kerja-kerja cerucuk/ pembinaan asas, pembinaan struktur lif, kerja-kerja Arkitektur dan pengalihan utiliti sediaada.
- 3.3. Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal termasuk keperluan Perakuan Mesin Angkat.
- 3.4. Wang Peruntukan Sementara bagi Theoretical and On-Site Technical Training dan Access Route & Landscaping Works.
- 3.5. Kerja-kerja Penyelenggaraan

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Mac 2022** dan tempoh penyiapan adalah maksima **9 bulan**.

## TENDER PRA KELAYAKAN:- UTeM/TD/001/2021

### 4. SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

#### 4.1. PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- 4.1.1. Jenis Syarikat – T1 (Syarikat 100% milik tempatan)
- 4.1.2. Mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang sah dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred G3 DAN Kategori CE Pengkhususan CE21 DAN**
- 4.1.3. Mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang sah dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) **DAN**
- 4.1.4. **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

#### 4.2. KEUPAYAAN KONTRAKTOR

##### 4.2.1. KEUPAYAAN KEWANGAN

Mempunyai nett worth melebihi **RM160,000.00** atau Modal Pusingan (working capital) melebihi **RM80,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM24,000.00**

##### 4.2.2. KEUPAYAAN TEKNIKAL

- i. Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tidak kurang dari **RM800,000.00** dalam tempoh lima (5) tahun lepas.
- ii. Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.
- iii. Kontraktor berdaftar yang telah digantung Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB tidak layak untuk memasuki tender Pra Kelayakan ini.

#### 4.3. PERUNDING KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not inhouse consultants) seperti berikut:-

- 4.3.1. Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- 4.3.2. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan

### 5. TAKLIMAT TENDER SECARA DALAM TALIAN (DIGALAKKAN)

- 5.1. Tarikh dan Masa Taklimat pada **3 NOVEMBER 2021, jam 10:00 pagi**.
- 5.2. Secara dalam talian menggunakan aplikasi Microsoft Teams di pautan berikut <https://bit.ly/3aUqgFd>

## TENDER PRA KELAYAKAN:- UTeM/TD/001/2021

5.3. Sesi taklimat tender adalah secara dalam talian sahaja dan **TIDAK DIWAJIBKAN**. Petender yang tidak menghadiri sesi taklimat tender masih boleh membeli naskah tender ini. Sesi taklimat tender perlu dihadiri oleh **PEMILIK** atau **PENAMA** yang tercatat dalam lesen pendaftaran syarikat sahaja.

### 6. PEMBELIAN NASKAH TENDER

- 6.1. Petender yang berminat dengan tawaran Tender ini boleh **membeli Naskah Tender secara atas talian sahaja**.
- 6.2. Petender perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan**, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
- 6.3. Petender yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah Tender ini**. Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke [perolehan@utem.edu.my](mailto:perolehan@utem.edu.my). Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN**.
- 6.4. Petender perlu memastikan Perkara 6.2 dan 6.3 dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://payment.utem.edu.my/en/>
- 6.5. Dokumen Tender akan **diemelkan** kepada Petender **setelah pembayaran diterima**.
- 6.6. Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengemback bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Notis Tender ini.

### 7. PENGHANTARAN DOKUMEN TAWARAN TENDER

- 7.1. Dokumen tender perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**.
- 7.2. **Penyerahan/penerimaan dokumen Tender melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier sahaja** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM bermula dari 27 HINGGA 30 DISEMBER 2021**. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. **Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan**.
- 7.3. **Tarikh dan masa tutup tender dikira** semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Petender **perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut** menepati tarikh dan masa tutup tender ini.
- 7.4. Setiap sampul tawaran tender yang dipos oleh petender hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
- 7.5. Dokumen tawaran tender perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN - UTeM/TD/001/2021, PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, HANG TUAH JAYA, 76100 DURIAN TUNGGAL MELAKA**.
- 7.6. Syarikat perlu **menggunakan alamat syarikat yang berdaftar sebagai rujukan pengirim** pada dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier bagi memudahkan proses penerimaan dan rujukan.
- 7.7. Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran Tender ini perlu menyatakan **NO. TENDER di penju atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. (sila lihat contoh).

# KENYATAAN TENDER

**TENDER PRA KELAYAKAN:- UTeM/TD/001/2021**

UTeM/TD/001/2021

**UNIT PEROLEHAN - UTeM/TD/001/2021  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
HANG TUAH JAYA  
76100 DURIAN TUNGGAL  
MELAKA.**

*Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.*

  
.....  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari Kanan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Cap Jawatan